

Rebut kuasa guna kekerasan bahaya

OLEH
KHALID MOHD. 1981

- Mahathir

ALOR SETAR 12 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO terhadap bahaya penggunaan kekerasan untuk mencapai sesuatu kedudukan atau bagi merebut kuasa.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sesiapa yang naik dengan menggunakan kekerasan tidak akan kekal lama di tempat yang direbutnya itu.

Berucap merasmikan kursus pditik Pergerakan Pemuda UMNO peringkat kebangsaan di sini hari ini, beliau memetik satu peratahan Inggeris, yang menyebut bahawa sesiapa yang menggunakan pedang akan jatuh dengan pedang itu juga.

Beliau menambah, tabiat menggunakan kekerasan oleh mana-mana pihak akan membuahkan lebih banyak kekerasan kerana mereka yang tersingkir juga faham akan cara-cara revolusi itu.

"Begitu juga siapa yang fikir bahawa dia boleh tukar kerajaan dengan cara kekerasan, dia pun tidak akan lama.

"Jangan dia fikir bahawa setelah dia menggunakan kekerasan maka dia boleh kekal di tempatnya.

"Kalau dia mula menggunakan kekerasan maka orang lain juga akan guna kekerasan dan akan menjatuhkan orang yang pertama

menggunakan kekerasan," tegas beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, UMNO tidak pernah percaya kepada penggunaan kekerasan atau kepada cara-cara revolusi seperti yang digunakan oleh setengah-setengah parti politik di negara-negara lain yang berkuasa melalui revolusi.

Beliau menegaskan, UMNO dapat terus

berkuasa sejak merdeka lagi kerana ia sentiasa bergerak di atas lunas-lunas demokrasi dan ketertiban parti, Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada parti politik yang dapat kekal lama jika ia tidak tertib dan tidak stabil di dalam parti boleh mencetuskan perebutan kuasa.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa kuasa politik UMNO tidak akan kekal selamanya jika ahli-ahli tidak meneruskan perjuangan bagi memenuhi harapan rakyat, agama dan tanahair.

Untuk mengekalkan kuasa politik UMNO tegasnya, ahli-ahli harus sedar akan hakikat bahawa UMNO wujud untuk memajukan orang-orang Melayu dan juga bagi melindungi penduduk lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan campuran yang wujud sekarang tidak akan kekal lama jika UMNO tidak menjadi teras yang kuat di dalamnya dan jika

sesuatu kerajaan campuran itu sama kuat, akan berlaku pula

perebutan kuasa dari dalam.

Katanya, ketertiban dalam UMNO adalah sesuatu yang tidak boleh dikorbankan dan ahli-ahli hendaklah sentiasa mengikutnya, kerana ia merupakan faktor kestabilan dalam parti.

Beliau menegaskan, ahli-ahli UMNO dari segenap lapisan termasuk mereka dari barisan pertama dan barisan kedua bahawa kekerasan tidak boleh menjatuhkan orang dan kekerasan akan melahirkan kekerasan manakala revolusi akan melahirkan revolusi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ada golongan-golongan di luar UMNO yang bercakap tentang revolusi kerana tidak puas hati dengan sistem dan dasar-dasar yang ada sekarang dan berpendapat bahawa cara menukarnya ialah menerusi perebutan kuasa.

Menurutnya, golongan itu berpendapat bahawa dengan merebut kuasa melalui revolusi, mereka akan berada dalam kedudukan yang akan membolehkan mereka menukar sistem dan dasar-dasar yang tidak disetujui itu.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa cara corupa ini akan menumpahkan darah dan membawa keadaan tidak tenteram di mana rakyat akan menderita.

Ini tegasnya, adalah satu revolusi akan mencetuskan revolusi dan ia akan menjadi satu mala petaka yang tidak boleh dihentikan lagi.

Beliau mengingatkan, mana-mana golongan yang tidak puas hati dengan kerajaan hendaklah berusaha, sebaiknya melalui UMNO sendiri atau sekurang-kurangnya melalui pilihanraya untuk membuat sesuatu perubahan itu.

"Mereka patut gunakan saluran-saluran yang ada dan jangan menyalahgunakan saluran-saluran ini," katanya.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan Pergerakan Pemuda bahawa mereka mempunyai peranan untuk memastikan tidak berlaku perebutan kuasa melalui kekerasan atau revolusi.

Sebagai pemimpin barisan kedua katanya, Pemuda mempunyai tanggungjawab melengkapkan diri dengan pengetahuan politik yang kemaskini, untuk membolehkan mereka memahami corak perjuangan yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa serta mengenai apa yang harus mereka buat bagi mengekalkan kuasa politik UMNO.